

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]

SOALAN NO. 109

DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan ada rancangan untuk menaik taraf bangunan Klinik Kesihatan Nibong Tebal di Jalan Klinik Telok Ipil dan menambah masa operasi klinik ini memandangkan Klinik Komuniti di Jalan Sungai Daun dilaporkan bakal ditutup.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan 19 buah klinik Kerajaan di daerah Seberang Perai Selatan yang terdiri daripada empat (4) buah klinik kesihatan, sebuah klinik ibu dan anak, 11 buah klinik desa dan 3 buah klinik komuniti. Bagi kawasan Nibong Tebal khususnya, perkhidmatan kesihatan disediakan melalui Klinik Kesihatan Nibong Tebal, Klinik Desa Permatang Pak Mahat, Klinik Desa Changkat dan Klinik Komuniti di Jalan Sungai Daun.

KKM sememangnya bercadang untuk menamatkan perkhidmatan di Klinik Komuniti di Jalan Sungai Daun berikutan tempoh sewaan di bangunan rumah kedai terbabit akan berakhir pada 30 September 2019 ini. Pesakit masih boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Nibong Tebal yang hanya terletak 1.4 km dari Klinik Komuniti berkenaan dan purata kehadiran pesakit ke klinik kesihatan ini hanyalah 177 orang sehari.

KKM berpandangan bahawa Klinik Kesihatan Nibong Tebal masih dapat menampung keperluan penduduk setempat. Sehubungan itu, buat masa ini, KKM belum bercadang untuk menaik taraf atau membina klinik baharu di Nibong Tebal. Waktu operasi juga akan dikekalkan seperti biasa iaitu daripada jam 8 pagi sehingga 5 petang. Selepas waktu bekerja, pesakit boleh terus mendapatkan perkhidmatan kecemasan pesakit luar di Hospital Sungai Bakap yang terletak 7 km dari kawasan Nibong Tebal.

Walau bagaimanapun, pihak KKM akan sentiasa memantau keperluan dari semasa ke semasa kawasan ini dan akan menambah baik perkhidmatan kesihatan mengikut kepada keperluan dan kemampuan kewangan Negara.

Sekian, terima kasih.